

Pelajar UMT ikuti kursus keusahawanan

Aktiviti
Bisnes

SH 18/09/07 Pg. T16

KUALA TERENGGANU - Seramai 1,000 pelajar Jabatan Pengurusan dan Pemasaran (JPP), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengikuti Kursus Asas Keusahawanan.

Ketua jabatan berkenaan, Dr Mohd Shaladdin Muda berkata, program yang berlangsung selama empat bulan tersebut bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar tentang dunia keusahawanan.

"Kursus wajib yang bermula pada bulan Julai lalu ini memerlukan pelajar mencari sebuah syarikat di seluruh Terengganu sebagai 'tempat' untuk mereka mengkaji dan



MOHD SHALADDIN MUDA

mempelajari sistem pengurusan berkesan," ujarnya.

Menurut beliau, syarikat yang turut dinobatkan sebagai 'syarikat angkat' ter-

sebut dipilih mengikut pilihan pelajar dan juga melalui perbincangan serta persetujuan para pensyarah agar bersesuaian dengan mereka.

Mohd Shaladdin berkata, kursus berkenaan baru pertama kali diadakan dan ia dijangka akan diteruskan pada setiap semester seiring dengan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

"Melalui kursus ini, kita harap pelajar dapat menimba pengalaman dan pengetahuan yang lebih tentang perniagaan serta keusahawanan sekali gus melahirkan graduan yang cemerlang," katanya.